

16 NOV 2001

Mahathir-Keganasan

HANYA PEMISAHAN SECARA PAKSA BOLEH SELESAI KONFLIK ARAB-ISRAEL

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata konflik Arab-Israel yang telah menjadi penyebab utama keganasan, mesti diselesaikan dengan pemisahan secara paksa antara pihak Palestin dan Israel oleh pasukan yang kuat di bawah Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Tindakan saling berbalas-balas antara pihak Arab dengan Israel tidak akan menyelesaikan konflik itu, kerana itu masih tidak kelihatan tanda-tanda yang pertelingkahan itu akan berakhir, kata beliau.

"Hanya pemisahan secara paksa antara kedua-dua pihak itu oleh pasukan yang kuat di bawah PBB boleh mencapai matlamat itu. Pihak Palestin bersedia menerima kehadiran pasukan pengawal keamanan PBB tetapi Israel membantah.

"Dunia memenuhi kehendak pihak Israel, jadi pembunuhan dan keganasan pun terus-menerus berlaku," kata Dr Mahathir ketika membuka satu persidangan mengenai keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dalam ucaptamanya itu, Dr Mahathir berkata dalam menentang pengganas dan keganasan, sebab-musabab kemarahan dan kekecewaan pada pihak pengganas itu perlulah dikaji, dan tindakan hendaklah dilakukan untuk menghilangkan apa yang menjadi sebab-musabab itu.

"Saya percaya sebab utama ialah isu Palestin," kata beliau.

Dr Mahathir berkata adalah tidak praktikal untuk mengenakan tekanan antarabangsa terhadap pihak-pihak yang bertelagah itu supaya menghentikan pertempuran.

"Meskipun jika Arafat (Presiden Palestin Yasser Arafat) bersetuju mengadakan gencatan senjata, beliau tidak mungkin boleh menghalang orang-orangnya, iaitu mereka yang telah merasa keperitan kerana kehilangan anak atau anggota keluarga atau sahabat-handai mereka, daripada terus menyerang dan membunuh orang Israel.

"Setiap serangan oleh pihak Arab tetap akan mengakibatkan lebih banyak orang Arab daripada orang Isreali yang terbunuh. Pihak Israel menyerang pihak Arab dengan ketepatan yang membawa maut tetapi tindak-balas pihak Arab tidak berkesan," kata Dr Mahathir.

Terdapat perasaan marah yang berkobar-kobar di kalangan dunia Islam yang tidak boleh difahami oleh Barat, katanya.

Perdana Menteri berkata dunia Islam, yang lemah dan tidak dapat membantu pihak Palestin, menganggap keengganan Barat untuk menyekat tindakan Israel sebagai suatu tanda yang menunjukkan "Barat adalah anti-Palestin, anti-Arab dan anti-Muslim."

Beliau berkata kebanyakan orang Islam hanya berasa marah, mereka bercakap tetapi tidak melakukan apa-apa.

"Tetapi di kalangan beribu juta orang Islam, pasti ada yang kemarahannya sudah tidak dapat dibendung lagi. Inilah golongan yang akan menggunakan taktik keganasan untuk mencapai maksud mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah wajar untuk dibuat andaian bahawa jika tiada isu Palestin, jika rakyat Palestin tidak ditindas dan kanak-kanak tidak dibunuh, kemarahan Arab dan orang Islam tidak wujud atau amat berkurangan.

"Sudah pasti tidak ada di kalangan mereka yang sanggup mati dengan cara yang begitu dahsyat pada 11 September," kata beliau, merujuk kepada serangan 11 Sept oleh pengganas yang menggunakan kapal terbang yang dirampas untuk merempuh Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington.

Dr Mahathir berkata anggapan bahawa pengganas itu bertindak dengan cara sedemikian kerana kemiskinan atau kerana iri hati terhadap orang lain yang menikmati kehidupan yang selesa dan bebas. tidak membayangkan pengetahuan yang mendalam mengenai corak pemikiran pengganas.

"Mereka yang merampas kapal terbang dan menggunakannya untuk merempuh itu bukanlah orang yang fanatik secara melulu, yang hanya memandang kepada syurga di akhirat semata-mata.

"Mereka datang dari negara Islam yang lebih kaya, negara yang kerajaannya bermurah hati memberi elaun dan subsidi untuk membantu kehidupan rakyat," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata corak pemikiran dan mentaliti mereka perlu difahami, bukan untuk menyanjungi mereka tetapi untuk memahami mengapa mereka menggunakan cara keganasan untuk mencapai maksud mereka.

"Kita perlu melakukan ini jika kita mahu memahami sebab-musabab mengapa mereka melakukan tindakan itu. Jika kita tidak berbuat demikian kita tidak akan dapat menghilangkan sebab-sebab itu dan mengurangkan insiden keganasan.

"Membalas dendam adalah menyeronokkan. Tetapi jika kita mahu menghancurkan mereka yang melakukan kesalahan itu hampir-hampir dengan menghapuskannya sama-sekali sebagaimana yang mungkin berklaku jika kita hanya mengebom dan melancarkan roket terhadap Afghanistan, maka kita tidak akan mencapai matlamat kita membalas dendam itu," katanya.

Beliau berkata pengganas itu mungkin berasa kesal yang mereka telah menyebabkan kematian dan kerosakan terhadap pihak yang memberi tempat kepada mereka, tetapi mereka mungkin menjadi lebih marah dan lebih berazam lagi untuk meneruskan tindakan ganas mereka.

"Jadi dendam itu tidak terbalas juga," katanya.

Dr Mahathir berkata jika dunia, termasuk dunia Islam hendak dilibatkan dalam usaha menentang pengganas dan keganasan, maka semua pengganas mesti dijadikan sasaran tindakan itu, tanpa mengira bangsa dan agama atau memilih tindakan keganasan tertentu yang membabitkan mereka.

"Dan ini mestilah turut merangkumi negara yang melakukan keganasan, termasuk kerajaan Israel pimpinan Ariel Sharon, orang yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan beribu-ribu rakyat Palestin di Shabra dan Shatila dan masih merupakan orang di sebalik pembunuhan secara sistematik rakyat Palestin hari ini," katanya.

Dr Mahathir berkata dunia mesti bersikap serius dalam tindakannya melawan keganasan.

Beliau berkata walaupun ia tidak akan dapat dihapuskan sama-sekali, ia pasti akan dapat dikurangkan dan dijadikan kurang menakutkan bagi dunia.

Dr Mahathir berkata pengganas tidak harus diidentifikasi dengan bangsa, agama atau negara tetapi dengan tindakan mereka.

Beliau berkata langkah menghilangkan sebab-sebab keganasan itu adalah penyelesaian yang lebih baik dan memberi kesan lebih segera berbanding dengan tindakan memburu mereka, yang lebih sukar dan memerlukan masa yang lama.

Dr Mahathir berkata sebaik sahaja sebab-sebab itu tidak ada lagi, sokongan kepada pengganas akan berkurangan dengan banyaknya walaupun tidak lenyap sama-sekali sebagaimana yang berlaku dalam hal Malaysia, sebaik sahaja pengganas hilang sokongan, cepat atau lambat mereka akan meninggalkan kegiatan mereka.

-- BERNAMA

AKT ZS AAM NMO